

BULETIN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 10 2025

F
P
N
S
3



fpnuitmn9s3



<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Bersama Alam di Negeri Sembilan : Jom Singgah Jeram Toi

Akma Hidayu Abdul Wahid dan Farquarul Ariffin Abdullah

Kalau anda jenis yang suka lari sekejap daripada kesibukan bandar dan mencari tempat untuk “healing”, Jeram Toi memang antara lokasi yang boleh anda lawati. Ia terletak di Jelebu, Negeri Sembilan, lebih kurang 30 minit dari Seremban. Jeram Toi adalah sebuah air terjun yang dikelilingi hutan hijau yang sejuk mata memandang. Perjalanannya juga senang kerana ia berada di tepi jalan utama Seremban - Kuala Klawang, jadi anda tak perlu redah hutan tebal untuk sampai ke sini.



Sebaik saja sampai, bunyi deruan air yang jatuh dari air terjun terus membuatkan hati rasa tenang. Airnya jernih, sejuk dan menyegarkan. Kawasan ini ada beberapa peringkat air terjun dengan kolam-kolam kecil – sesuai untuk mandi-manda bagi kanak-kanak atau sekadar rendam kaki bagi dewasa sambil borak santai dan “barbeque” dengan kawan-kawan. Kalau datang waktu pagi, suasananya sangat nyaman dengan udara segar dan kabus nipis yang buat anda rasa macam berada di perkampungan percutian.

Selain mandi-manda, anda boleh berkelah di tepi sungai. Ada gazebo dan meja batu yang boleh digunakan, jadi tak perlu risau nak duduk di atas tanah. Kalau suka aktiviti lasak, anda boleh cuba hiking ringkas di sekitar kawasan hutan untuk menikmati pemandangan dari sudut berbeza.

Gazebo solat juga disediakan untuk ruang lelaki dan perempuan. Gazebo solat ini disediakan secara keaadan terbuka, mungkin ingin mengalami konsep di mana anda boleh solat dan merenungi keindahan alam yang dicipta Ilahi.



Aktiviti menarik yang boleh dilakukan di Jeram Toi

1. Mandi-manda & main air – Air terjun menyegarkan, sesuai untuk melepaskan penat.
2. Berkelah bersama keluarga – Bawa tikar, bekalan makanan dan nikmati suasana hutan yang tenang.
3. Tangkap gambar “Instagrammable” – Air terjun, batu-batu besar dan suasana hijau hutan jadi latar belakang yang cantik.
4. Santai & relaks – Menikmati bunyi air terjun pun, “therapeutic” buat anda.



Tips untuk anda

1. Datang awal pagi - Seeloknya anda datang seawal pagi bagi mengelakkan kawasan sesak dan dapat rasa suasana lebih nyaman. Kawasan jeram ini tidaklah terlalu besar dan agak terhad. Anda akan menikmati keindahan ini ketika ia tidak sesak.
2. Bawa baju lebih & tuala - Mandi air terjun memang seronok, tapi sejuk! Pastikan ada pakaian kering lepas tu.
3. Pakai kasut sesuai - Jalan mungkin licin, jadi kasut hiking atau sandal anti-gelincir lebih selamat.
4. Elakkan datang waktu hujan lebat - Untuk keselamatan, kerana kawasan air terjun boleh jadi licin atau arus deras.
5. Bawa makanan – Sudah berendam pasti akan lapar. Tiada kedai makan di sini tapi anda boleh bawa makanan dan buat aktiviti “barbeque”.
6. Jaga kebersihan - Bawa plastik sampah sendiri, jangan tinggalkan sampah.



Kesimpulan

Jeram Toi adalah salah satu destinasi rekreasi yang menyenangkan dan sesuai untuk anda “recharge” minda serta fizikal. Suasana alam semula jadi yang hijau dan udara yang segar membuatkan pengunjung berasa lebih dekat dengan keindahan ciptaan Tuhan. Dengan akses yang mudah, kemudahan seperti tandas awam, gazebo dan tempat letak kereta turut disediakan untuk keselesaan pengunjung.

Terima kasih kepada pihak kerajaan dan badan pengurusan yang sentiasa berusaha menambah baik kemudahan di kawasan ini. Adalah diharapkan agar badan yang bertanggungjawab terus mengekalkan keindahan Jeram Toi sebagai tarikan pelancong, serta memastikan kemudahan awam diselenggara dengan baik dan berkala. Penyelenggaraan yang rapi bukan sahaja memberi keselesaan kepada pengunjung, malah mampu menarik lebih ramai orang untuk kembali dan mengulangi aktiviti riadah di sini pada masa akan datang.